

II PR 25-05 00100 RA964

AAR

Mahathir - (INDP '11

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan ukuran yang digunakan oleh sebuah agensi pembangunan antarabangsa untuk menyatakan hak asasi manusia di Malaysia adalah lebih rendah daripada Israel.

Perdana Menteri berkata, dakwaan Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) itu tidak mempunyai asas sama sekali dan sengaja dilakukan untuk memburih-burihkan Malaysia bagi kepentingan pihak-pihak tertentu.

+Ini adalah tuduhan yang fantastik sedangkan kita tahu Israel menembak dan membunuh orang Arab yang ada di sana...keluarkan orang itu dari rumah mereka...adakah kita huat di sini?+ katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti itu di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO menjawab pertanyaan mengenai sebuah laporan UNDP yang menyatakan Malaysia mempunyai tahap kebebasan manusia yang amat rendah sedangkan tahap pembangunan manusianya adalah tinggi.

Dalam laporan yang diumumkan oleh Penolong Pentadbir UNDP bagi Asia dan Pasifik, Krishnan Gopal Singh, di sini dua hari lepas, agensi itu menyatakan tahap kebebasan manusia di Malaysia lebih rendah daripada Israel dan beberapa negara Amerika Latin serta Eropah Timur. -- Lagi.

♥25/05/16-24MST

II PR 25-05 00160 RA965

AAR

Mahathir - (INDP 2 Kuala Lumpur '11

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu mengapa UNDP mengeluarkan kenyataan itu sedangkan ia tidak pernah berbuat demikian sebelum ini.

Beliau juga mempersoalkan siapa yang menentukan ukuran untuk UNDP membuat perundingan itu serta apakah hak baginya menentukan moral sesuatu kumpulan.

Datuk Seri Dr Mahathir menyebut mengenai sebuah negara di Eropah yang kini membenarkan hudak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun untuk tidur bersama dan mengadakan hubungan jensis.

+Apakah kalau kita tak beri kebebasan macam ini kita tak ada hak asasi manusia?+ beliau menyoal.

Katanya, di sesetengah negara pula, sesiapa yang hendak berhogel di tempat umum boleh berbuat demikian atau menayangkan gambar lucah di panggung wayang tetapi +kita tak bagi...kalau kerat dua pun kita tak bagi juga+.

Katanya, beliau kecewa kerana tumpuan untuk menyatakan mengenai keburukan hanya diberikan kepada negara di Asia yang mempunyai penduduk bukan kulit putih. -- Lagi.

♥25/05/16-26MST

AAR

Mahathir - UNDP 3 Kuala Lumpur !!!

Katanya, pihak-pihak yang mengecam Malaysia kononnya mengamalkan dasar perkauman, sebenarnya lebih bersifat perkauman kerana bertindak terhadap penduduknya berasaskan warna kulit.

+Tnilah orang yang nak tentukan siapa baik atau tidak,+ katanya.

Beliau juga menyebut mengenai alasan kebebasan akhbar yang digunakan oleh negara-negara maju untuk membenarkan akhbar-akhbar di negara mereka mengatakan apa sahaja serta menyiarkan gambar yang memburukkan keadaan di negara-negara lemah.

+...negara kuat boleh buat apa sahaja...walaupun mereka buat salah itu tak diutamakan (oleh akhbar-akhbar di negara itu),+ katanya.

Semasa berada di sebuah negara barat baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau melihat orang yang tidak mempunyai rumah terpaksa tidur di taman awam dalam keadaan yang kotor serta kesejukan.

Akhbar-akhbar di negara itu tidak menunjukkan keadaan seperti itu sedangkan mereka menyiarkan gambar orang yang tidur di tepi jalan di negara-negara yang lemah, katanya. -- Bernama.

♥25/05/16-38MST